

## Jangan Dilupakan: Bahasa Melayu Digunakan Lebih Dari Seratus Juta Orang

Ucapan penuh Tuan Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Bahasa Kebangsaan 1963 dalam persidangan besar yang telah berlangsung di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka baharu-baharu ini.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Bulan

Bahasa Kebangsaan ini saya sebenarnya merasa puas hati dengan hasil-hasil yang telah kita capai dalam gerakan-gerakan Bulan Bahasa yang telah kita adakan tiga tahun berturut-turut semenjak Minggu Bahasa tahun 1960 itu. Tetapi puas hati atas hasil-hasil yang lalu itu tidaklah sama sekali bererti yang saya sudah bersedia hendak membuat cadangan supaya kita berhenti sahaja setakat ini. Bahkan sebaliknya saya ingin mencadangkan supaya gerakan kita tahun 1963 ini, ialah Bulan Bahasa yang ketiganya diadakan lebih lama lagi dari yang sudah-sudah iaitu tiga bulan.

Hal itu bolehlah nanti kita bincangkan lebih lanjut apabila tiba pada agendanya. Untuk sekarang ini saya suka menerangkan kepada sidang yang penting ini patut bahkan mustahak diadakan terus-menerus hingga kepada mengapa saya berpendapat bahawa Gerakan Bulan Bahasa ini satu waktu yang belum dapat ditetapkan sekarang.

Pertama sekali saya masih belum melihat tanda-tanda yang cukup memuaskan bahawa masyarakat kita, termasuk alat-alat kerajaan dan alat-alat dalam pertadbiran dan pergaulan orang ramai, sudah benar-benar bersedia dengan semangat yang penuh dan kesanggupan yang kukuh untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan seluas-luasnya.

Di sana sini dalam susunan kehidupan kita ini masih ada kekosongan yang mesti diisikan dan kelemahan-kelemahan yang mesti diatasi hingga pada waktu tiba masanya Parlimen akan memutuskan kelak maka kita tidak

ragu-ragu lagi untuk melancarkan jentera Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal.

Kekosongan dan kelemahan-kelemahan itu dapat kita lihat di dalam lapangan pertadbiran kerajaan sendiri, di dalam lapangan perusahaan dan perniagaan, bahkan di dalam lapangan pergaulan umum pun semangat memuliakan taraf Bahasa Kebangsaan belum cukup subur tumbuhnya, demikian juga semangat hendak menggunakan bahasa itu sebagai alat perhubungan yang berkesan.

Saya tidak mengatakan bahawa masyarakat kita belum menghargakan atau menghormati Bahasa Kebangsaan sama sekali, tetapi di sana sini masih ada kelemahan.

Kelemahan inilah yang mesti kita hapuskan dan gantikan dengan kekuatan baharu maka oleh kerana itulah tidak nampak langsung ada sebab mengapa Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan tidak akan kita teruskan.

Apabila Jawatankuasa Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan ini menerima tugasnya dari kerajaan maka dengan sendirinya jawatankuasa ini telah menjadikan dirinya sebagai pejuang-pejuang Bahasa Kebangsaan.

Peluang-peluang yang mempunyai satu tujuan yang tertentu untuk dicapainya dan dengan sebab itu mempunyai berbagai-bagai masalah-masalah dan rintangan pula untuk dihadapinya sebelum sampai kepada tujuan itu.

Tujuan daripada Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan sebagaimana telah sedia kita maklumi ialah untuk mendidik

masyarakat kita seluruhnya menghormati, menghargai dan menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan rasa dan semangat kebangsaan yang megah dan kuat dalam seluruh perhubungan dan usaha kehidupannya.

Tujuan ini mestilah dicapai sebelum tahun 1967 kerana pada tahun itu Parlimen akan menentukan dengan tegas bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini.

Keputusan Parlimen itu mungkin tidak akan lahir atau kalau lahir sebagaimana dikehendaki mungkin tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik kalau masyarakat tidak cukup bersedia.

Persediaan itulah yang kita perjuangkan sekarang. Persediaan itulah yang kita buat sekarang dengan jalan mengadakan usaha-usaha dan gerakan-gerakan menyedarkan dan mengembangkan masyarakat kita.

Tetapi usaha ini tidak cukup hanya dengan memberitahu dan dengan memberi penerangan-penerangan sahaja. Usaha ini harus diikuti dengan amalan yang bersifat mendidik masyarakat menggunakan Bahasa Kebangsaan ini dengan rasa sedar dan dengan semangat yang megah dan jujur.

Pekerjaan ini tidaklah mudah, terutamanya kita berkehendakkan masyarakat itu menerima dan menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan kesedaran dan kejujuran kebangsaan mereka sendiri bukan dengan paksaan undang-undang.

Gerakan Bahasa Kebangsaan telah dijalankan dengan secara tegas dan konkrit apabila kita menganjurkan Minggu Bahasa Kebangsaan dalam tahun 1960, diikuti pula dengan Bulan Bahasa Kebangsaan tiap-tiap tahun selepas itu.

Segala usaha ini dapat kita jalankan kerana adanya wang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri khas untuk memajukan Bahasa Kebangsaan dan meluaskan penggunaannya di kalangan rakyat negeri ini.

Tetapi desakan hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal



*Syed Nasir bin Syed Ismail*

*Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjasa di dalam usaha menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan yang tunggal di Tanah Melayu.*

di Tanah Melayu bukan baharu sahaja timbul, malahan iaitu telah terbit lebih dahulu daripada Gerakan Bahasa Kebangsaan yang saya sebutkan tadi.

Di sini sukalah saya menarik perhatian tuan-tuan sekalian bahawa desakan itu adalah cukup kuat dan cukup berpengaruh sehingga penggubal-penggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa menyetujuinya dan memasukkan ke dalam erlembagaan itu Fasal 152 yang sudah kerap kali disebut-sebut itu.

Tetapi, walaupun sudah begitu lama adanya desakan tersebut dan walaupun kita telah bersusah payah dengan penuh semangat dan hasrat berusaha hendak melaksanakan Fasal 152 yang tercatat dalam perlembagaan itu, masih lagi terdengar kepada kita dari semasa ke semasa, malahan

baharu-baharu pada awal tahun ini pun, suara-suara dari nujum-nujum sangkamara yang menentang usaha hendak menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di tanah air kita.

Setengah-setengah daripada nujum-nujum ini, malangnya adalah warga-negara negeri ini sendiri; yang lain-lainnya adalah pegawai-pegawai dagang yang datang mencari sara hidup di negeri kita dan sudah hendak berkira-kira hendak bersara, sama ada untuk meninggalkan pantai negeri kita ini buat selama-lamanya ataupun untuk merebut peluang-peluang lain di luar perkhidmatan kerajaan dalam negeri ini juga.

Walaupun apa bangsanya, nujum-nujum sangkamara ini mempunyai satu titik persamaan, meskipun setengah-setengah daripada mereka adalah orang-orang yang terkemuka dalam lapangan pekerjaan masing-masing.

Mereka itu sangat cetek pengetahuan mengenai bahasa Melayu; Kalau tidak pun, daripada kata-kata mereka itu nampaknya mereka tidak mengetahui langsung darihal bahasa ini. Mereka sentiasa mengingatkan kita kononnya jangan terburu-buru hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal.

Sekurang-kurangnya seorang daripada mereka itu, ialah seorang bekas Hakim Besar British baharu- baharu ini diberitakan berpendapat.

*Jika kita terus-menerus berpura-pura kepada rakyat kononnya bersungguh-sungguh hendak melaksanakan dasar terhadap bahasa kebangsaan tetapi sambil itu menanggukkan pelaksanaannya, nescaya dalam masa 10 atau 15 tahun kelak soal ini akan lenyap dan tekanan-tekanan politik dan perkauman yang mendesak supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan itu akan mati dengan sendirinya serta berlalu dengan amannya dari pentas sejarah."*

Untuk menguatkan pendapatnya itu dan untuk melemahkan gerakan kita beliau telah membabitkan seseorang tokoh besar, iaitu Perdana Menteri India. Kata bekas Hakim Besar itu (sebagaimana yang diberitakan) "*Tuan Nehru sendiri baharu-baharu ini telah mensifatkan desakan hendak melucutkan bahasa Inggeris daripada menjadi bahasa rasmi di India sebagai perbuatan yang sangat*

*bodoh"*, dan bekas Hakim Besar itu tidaklah dapat menambah lagi kata-kata itu.

Bukankah ini suatu penghinaan kepada perlembagaan negara kita dan bukankah ini suatu penghinaan kepada usaha kerajaan hendak meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi dalam negara kita ini!

Sekarang, cuba kita fahamkan dengan sejelasnya, apakah yang dimaksudkan oleh beliau itu. Dia bukan mengesyorkan, seperti setengah-setengah orang lain, supaya kita berlambat-lambat sedikit kerana orang-orang yang bukan Melayu tidak dapat mengikuti perkembangan bahasa Melayu yang amat cepat itu.

Dia menyuruh kita menanggukkan usaha kita menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dengan harapan jika kita tertangguh-tangguh, maka akan lemahlah kelak Gerakan Bahasa Kebangsaan dan akan kekallah bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi di tanah air kita.

Di sini terang benar kepada kita bahawa dia lupa akan perasaan orang ramai atas soal bahasa ini, dan dia tidak menyedari bahawa Gerakan Bahasa Kebangsaan itu makin sehari makin pesat perjalanannya.

Tetapi mengapakah dia hendak mengekalkan bahasa Inggeris? Kononya dia berasa bimbang pelaksanaan Undang-undang Negeri dan keadilan akan runtuh jika bahasa Inggeris tidak dipakai.

Tetapi yang anehnya beliau hanya memandang sebelah padahal mengikut sistem mahkamah hari ini jika tidak ada jurubahasa tentulah pengadil-pengadil, peguam-peguam dan hakim-hakim tidak dapat menjalankan kerja masing-masing di mahkamah.

Saya tidak tahu apakah kandungan sepenuhnya ucapan Tuan Nehru itu, ataupun sama ada kata-katanya telah dikutip dengan jujur; tetapi apa yang saya tahu benar-benar ialah sesuatu yang baik bagi India tidak semestinya baik bagi Tanah Melayu.

India mempunyai tidak kurang daripada 845 bahasa dan dialek. Kira-kira 90 peratus seluruh anak negerinya yang seramai 440 juta orang itu menggunakan salah

satu daripada 14 bahasa terbesar, yang ditentukan dalam Perlembagaan India.

Sebaliknya di negeri kita, kita hanya terpaksa memilih daripada 4 bahasa – yang sebenar-benarnya 2 sahaja, iaitu Melayu atau Inggeris. Di sini tidaklah payah saya mengulangi lagi apa yang telah kerap kali diperkatakan semenjak bertahun-tahun yang lalu, iaitu mengapa akhirnya kita memilih bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa rasmi yang tunggal. Sebab-sebab bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan memanglah sudah jelas dan tidak dapat disangkal lagi.

Meraka itu tentulah melupakan bahawa bahasa Melayu pada masa ini digunakan oleh kira-kira 100 juta umat manusia di seluruh Tenggara Asia dan mendapat tempat yang ketujuh di antara bahasa-bahasa yang terkemuka dalam dunia.

Mereka juga mendatangkan hujah kepada kita kononnya bahasa Melayu miskin dan tidak mempunyai perbendaharaan kata yang secukupnya untuk mendapat tempat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita.

Mereka ini tidak sedar, kalau tidak pun sengaja tidak mahu mengakui hakikat bahawa Bahasa Melayu ialah satu bahasa yang hidup subur dan sentiasa boleh menerima perubahan.

Malahan pada masa ini pun bahasa itu telah dan akan terus maju dan meluas dengan secepatnya untuk menjadi salah satu bahasa yang terbesar di bahagian dunia sebelah sini.

Saya mengucapkan tahniah kepada nujum-nujum sangkamara ini kerana sanggup dan tergamak memberikan pendapatnya atas suatu perkara yang mereka ketahui sedikit sahaja atau tidak mengetahui langsung. Tetapi hal ini tidaklah menghairankan kerana walaupun mereka sudah bertahun-tahun tinggal di sini mereka terus-menerus enggan belajar atau bertutur dalam bahasa kita, jauh sekali daripada menyokong dan bersimpati dengan cita-cita suci kita.

Sebaliknya begitu tebal kebencian mereka terhadap bahasa dan cita-cita kita sehinggakan kita rasai

elok benarlah mereka meninggalkan tanah air kita dengan seberapa segera. Nampaknya sesudah menjadi kelaziman di kalangan setengah-setengah pegawai ladang yang hendak bersara memberikan nasihat kepada kita atas apa yang sepatutnya kita buat, padahal mereka sendiri pada masa masih berkuasa dan berpengaruh dahulu telah gagal untuk membuat perkara-perkara tersebut.<sup>1</sup>

Mereka tiba-tiba menjadi lebih bijaksana kemudian daripada habis tempohnya dan sangat murah dengan berbagai-bagai nasihat. Tetapi mujurlah kita sudah terlepas dari zaman kita dikehendaki meminta dan mengikut nasihat mereka.

Sekarang dengan adanya Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipimpin sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri maka saya rasa perjuangan kita ini akan bertambah berkehendakkan kerjasama yang sungguh-sungguh dari tiap-tiap kita yang diberi tugas melancarkan gerakan ini.

Bagi pihak saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan, sebagai Pengaruh<sup>2</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagai Pengerusi Tetap L.T.K.B saya tidak akan undur setapak pun dari perjuangan ini, *in shā'a Allāh*.

Dalam pada itu tentulah saya tidak akan bergerak sampai ke mana pun kalau tidak semua kita serentak menjadikan diri kita dalam jawatan dan kehidupan peribadi sebagai pejuang-pejuang kebangsaan juga.

Akhirnya saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan kepada semua pihak dan orang perseorangan serta akhbar-akhbar yang telah memberikan kerjasamanya yang tidak terhingga pada menjayakan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun 1962 yang lalu. Kerjasama ini amatlah diharapkan supaya diteruskan dalam usaha dan gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini

---

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah tersebut.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah Pengarah.